

10 OCT 2003

OIC-Wanita

DR SITI HASMAH AKAN Pengerusikan Dialog Wanita Pertama OIC

PUTRAJAYA, 10 Okt (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan mempengerusikan dialog Wanita Pertama bertujuan berkongsi pengalaman dan pandangan antara pemimpin wanita negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 17 Okt ini.

Dialog julung kali itu akan diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC ke-10 yang bermula esok sehingga 18 Okt di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC).

Dialog bertema `Wanita: Keamanan dan Pembangunan' anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu merupakan acara utama dalam program bagi isteri ketua negara dan kerajaan OIC yang menghadiri sidang kemuncak itu.

Dr Siti Hasmah berkata objektif utama menjemput isteri ketua-ketua negara OIC juga bertujuan mendapat pandangan mereka mengenai wanita-wanita di negara Islam.

"Kita memang boleh mendapat maklumat daripada buku-buku yang dibaca tetapi kadang-kadang ia bukan pendapat mereka sendiri. Adalah lebih baik kita tahu pendapat mereka dari mulut mereka sendiri," katanya pada sidang media di Seri Perdana di sini.

Beliau berkata antara Wanita Pertama yang telah mengesahkan kehadiran pada dialog itu ialah Edith Lucie Bongo dari Gabon, Zineb Yahya Jameh (Gambia), Sehba Musharraf (Pakistan), Widad Babikir Omer (Sudan) dan Semra Sezer (Turki).

"Dialog itu juga akan disertai isteri menteri-menteri luar dan menteri-menteri lain negara OIC, isteri menteri-menteri kabinet Malaysia, isteri ketua-ketua Perwakilan negara OIC di Malaysia dan tokoh wanita tempatan.

"Selain itu isteri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Nane Annan juga hadir sebagai pemerhati," katanya.

Antara topik yang akan dibincangkan ialah mengenai bidang pendidikan, kesihatan wanita, pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, HIV/Aids dan penyakit berjangkit.

Topik lain ialah penglibatan wanita dalam masyarakat, cadangan keamanan mengelakkan perang dan keganasan, dasar dan institusi awam menyokong wanita dan perkongsian global, kerjasama, rangkaian dan gabungan umat Islam yang akan dibantu oleh 11 pakar rujuk.

"Kesimpulan perbincangan ini akan dikemukakan kepada pengerusi OIC supaya ia boleh dimasukkan dalam agenda OIC bagi menyentuh hal wanita," kata Dr Siti Hasmah.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata idea untuk mengadakan program bagi wanita pertama ini sudah lama difikirkan.

"Tetapi apa yang lebih mendorong ialah satu pertanyaan yang diajukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh puteri Presiden Iran ketika itu Ali Akhbar Hashemi Rafsanjani pada Sidang Kemuncak OIC sebelum ini di Doha, Qatar iaitu kenapa agenda wanita langsung tidak dimasukkan dalam sidang berkenaan," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata agenda wanita tidak dimasukkan berdasarkan prosedur yang termaktub dalam OIC sendiri sejak ditubuhkan pada 1969.

-- BERNAMA

SHS AZZ RHM